

Headline	Isu pesawah miskin jadi perhatian utama kerajaan: PM		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	12 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	1	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	342 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,817
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,451



Isu pesawah miskin jadi perhatian utama kerajaan: PM

PUTRAJAYA: Isu kemiskinan dalam kalangan pesawah yang jaminan makanan menjadi perhatian utama kerajaan.



Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) berkata antara faktor yang menyumbang kepada kemiskinan dalam kalangan penanam padi adalah kerana mereka terlalu bergantung kepada subsidi serta tidak efisien dalam menggunakan sepenuhnya peralatan tanah mereka.

Kerajaan, kata beliau, telah memperuntukkan lebih RM1.8 billion setahun untuk memberi subsidi kepada 200,000 pesawah dan perlu mengimpor US\$60 billion makanan setahun.

"Kita dah ada terima beberapa perkara yang menyebabkan mereka menjadi miskin. Yang pertama telah mereka mempunyai pemegangan yang terlalu kecil untuk memberi perolehan pulangan yang baik.

"Yang keduanya mereka tidak efisien. Di atas tanah yang satu ekar boleh keluar lapan tan, mereka keluar cuma empat tan," kata perdana menteri pada sidang akhbar selepas mempergerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi di sini pada Selasa.

Hadir sama Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub dan Pengurusi Permodalan Nasional Bhd Tan Sri Zeti

Akhtar Aziz.

Dr Mahathir berkata kaedah penanaman padi perlu diperingkatkan selain cara pesawah menggunakan baju bagi meningkatkan hasil tanaman serta tidak memaksa mereka menanam padi sahaja.

"Mereka boleh ada tanaman gantian yang boleh beri pulungan yang lebih baik umpamanya tanaman kontan yang mana boleh dituai tiga kali, empat kali setahun dan memberi pulungan yang lebih baik berbanding penanaman padi."

"Padi di Kedah kita boleh tanam dua kali, di tempat lain cuma sekali. Jadi pendapatan mereka memang berkurangan sebab itu kita perlu lihat perkara ini (kemiskinan penanam padi) secara keseluruhan," katanya dan menambah bahawa pada masa yang

sama negara juga perlu memastikan jaminan makanan.

"Kita perlu mengenal pasti bidang yang boleh dilakukan untuk sekurang-kurangnya membantu petani meningkatkan pendapatan dan pada masa yang sama tidak membebankan kos kepada pengguna. Harga pengguna tidak boleh naik untuk menambah pendapatan petani," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata kerajaan mahu mengkaji mengenai bagaimana perawah yang efisien boleh menghasilkan lapan tan sekar dan menggunakan sistem mereka dan sistem lain untuk meningkatkan produktiviti sekar tanah pesawah.

"Sekiranya kita boleh mendapat lebih banyak lagi melalui penanaman tanaman lain seperti sayur-sayuran dan

buah-buahan seperti Harumanis (mangga), nanas dan semua itu boleh memberi pulungan yang lebih baik.

"Mungkin mereka (penanam padi) perlu memperuntukkan sebahagian tanah mereka untuk menanam tanaman lain," kata beliau.

Perdana menteri berkata kerajaan juga merancang untuk mengurangkan import makanan kepada US\$30 billion, atau separuh daripada sekarang.

"Kita telah memberi tumpuan kepada getah, dan sawit tanpa memikirkан keperluan makanan kecuali bers.

"Kita mesti memperuntukkan lebih banyak tanah untuk pengeluaran makanan yang kita import dari negara lain. Kita perlu memodenkan (pertanian) untuk lebih produktif," kata beliau. - Bernama